

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 14 MEI 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	SIRIM kenal pasti keperluan industri	Utusan Malaysia
2	'SMEs need more innovative solutions'	New Straits Times
3	Standard Industri SIRIM bantu syarikat hasil produk, perkhidmatan berkualiti	Bernama.com
4	IKLAN NICE 2015	Nanyang Siang Pau
5	Inovasi bantu tunai solat	Utusan Malaysia
6	Rynz skincare guna kepakaran SIRIM	Utusan Malaysia
7	TPMB mahu bangunan 80 usahawan bio	Harian Metro
8	HELP partners IT industry leaders	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 14 MEI 2015 (KHAMIS)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tengah), Zainal Abidin Mohd. Yusof (kanan) dan Azmi Ng melancarkan Standard Industri SIRIM pada Sidang Kemuncak Kualiti Kebangsaan 2015 di Glenmarie, Shah Alam, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

SIRIM kenal pasti keperluan industri

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 13 MEI**

SIRIM Berhad (SIRIM) akan mengenal pasti keperluan industri dalam usaha membangunkan Standard Industri yang bersesuaian bagi memastikan industri terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) lebih berdaya saing dalam pasaran global yang lebih meluas.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Abu Bakar Mohamad Diah berkata, Standard Industri SIRIM dapat membantu industri terutamanya dalam aspek kawalan kualiti, memudahkan penerimaan produk di pasaran, pengurusan organisasi atau industri serta menjaga aspek keselamatan dan kesihatan komuniti.

"Standard Industri SIRIM yang dibangunkan khas untuk sesuatu industri, persatuan atau organisasi akan memberikan penyelesaian terbaik kepada masalah yang berulang dan bukannya hanya menawarkan penyelesaian secara ad-hoc," katanya semasa melancarkan SIRIM Standard Industri bersempena Sidang Kemuncak Kualiti Kebangsaan 2015, di sini

hari ini.

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof dan Naib Presiden Bahagian Teknikal SIRIM, Azim Ng. Seminar tersebut dihadiri 150 peserta terdiri daripada ketua pegawai eksekutif, pengarah syarikat, ketua jabatan, perunding dan pengamal kualiti.

Abu Bakar berkata, MOSTI telah memperuntukkan sebanyak RM372,000 kepada SIRIM untuk membangunkan PKS bagi mewujudkan budaya kualiti dan inovatif untuk menambahbaik proses dan produk mereka. Sehingga kini, sebanyak 50 PKS telah dibantu.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Standard SIRIM, Abdul Aziz Long berkata, SIRIM mengambil masa hingga lapan bulan untuk membangunkan Standard Industri yang menjadi penanda aras kepada pihak industri dan merupakan satu-satunya standard bertaraf nasional.

"Kita mahu pada masa akan datang, PKS mempunyai kesedaran untuk mengguna pakai standard ini dan dapat membantu mereka menawarkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan standard ditetapkan oleh badan-badan tertentu terutama dalam

menghadapi persaingan apabila Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dilaksanakan," katanya.

Pelaksanaan Standard Industri SIRIM merentasi pelbagai sektor daripada pertanian, pelancongan, pengangkutan, penjagaan kesihatan, tenaga hinggalah teknologi maklumat.

Standard tersebut terdiri daripada lima peringkat iaitu standard organisasi, standard industri, standard kebangsaan, standard serantau dan standard antarabangsa.

Setakat ini, SIRIM telah membangunkan tujuh standard di bawah Standard Industri iaitu SIRIM 1:2014, Garis Panduan Kebersihan Tandas Masjid dan Surau; SIRIM 2:2014, Garis Panduan Penarafan Kebersihan Tandas Masjid dan Surau; SIRIM 3:2014, Kod Amalan Pemasangan dan Penyelenggaraan Kipas Siling dan SIRIM 4:2014, Amalan Baik Untuk Melaksanakan Pengurusan Keselamatan Perjalanan.

Sehubungan itu, Abdul Aziz menyifatkan, pelaksanaan Standard Industri merupakan satu lagi kejayaan SIRIM kepada pembangunan PKS di negara ini dalam usaha meningkatkan kesedaran mereka terhadap keperluan standard.

'SMEs need more innovative solutions'

ASSISTANCE: Sirim can help improve quality, productivity of industries, says deputy minister

C. PREMANANTHINI
SHAH ALAM
news@nst.com.my

THE Science, Technology and Innovation Ministry has allocated RM372,000 to assist small and medium enterprises (SMEs) in creating a culture of quality and innovation by improving their products.

Its deputy minister, Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah, said currently, 50 SMEs were being assisted.

The ministry provides funds and support for start-ups, standards accreditation, transfer of new technology, and facilitates research and development of products for commercialisation.

He said this after launching Sirim Industry Standards in conjunction

with the National Quality Summit 2015 here yesterday. It is part of the Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (Sirim)'s efforts to help industries and businesses to meet local and international requirements and practices.

Abu Bakar said Sirim needed to introduce new and innovative solutions to improve the quality and productivity of the industries.

He said Sirim had introduced several standards, including Sirim 3:2014, a code of practice for installation and maintenance of ceiling fans, and Sirim 4:2014, which are good practices for implementing commuting safety management.

The standards launched yesterday were developed in accordance to Sirim standardisation procedures, which were in line with international practices for appropriate notification of work programmes and participation of interested parties.

"This new standard will be an essential tool for quality control, facilitating product acceptance and safeguarding the safety and health of the community.

"In line with the theme, we need to adopt changes and manage our quality to be globally competitive."

He said Sirim had also introduced

a programme called Green 5S Recognition Scheme to reduce cost and improve efficiency. Ten companies are participating in the scheme.

The programme provides solution for problems faced by businesses that were involved in sustainability and organisational development.

Sirim Bhd president and chief executive Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof said the theme of this year's summit, "Action 2015 — Imperative for Change", was aimed at showcasing the standards-based management system, as well as the updates on the revision to the most widely used International Standard in the world, ISO 9001.

"Each time we organise the summit, we hope industry players have a platform to share their experiences on the importance of quality, current trends and developments with others."

He said Sirim was in collaboration with Open Universiti Malaysia offering Masters in Quality Management to graduates or working adults to equip them with the latest tools and techniques.

Present was former international trade and industry minister Tan Sri Rafidah Aziz, who presented the keynote address.



Standard Industri Sirim Bantu Syarikat Hasil Produk, Perkhidmatan Berkualiti

SHAH ALAM, 13 Mei (Bernama) -- SIRIM Bhd hari ini melancarkan Standard Industri SIRIM dalam usaha membantu syarikat mencapai standard yang tinggi untuk produk atau perkhidmatan mereka.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah berkata, langkah itu dibuat agar produk dan perkhidmatan yang ditawarkan mencapai piawaian dan kualiti yang ditetapkan bagi memenuhi permintaan dari dalam dan luar negara.

"Standard Industri SIRIM adalah medium penting untuk mengawal kualiti produk dan perkhidmatan, termasuk aspek keselamatan dan kesihatan pengguna.

"Apabila produk memiliki standard SIRIM, ia secara tidak langsung membantu produk itu diterima dengan mudah, terutama produk perusahaan industri kecil dan sederhana," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Standard Industri SIRIM di sini, Rabu.

Turut hadir ialah Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof.

Abu Bakar berkata, SIRIM telah membangunkan standard untuk pelbagai industri, antaranya untuk ikan arowana, sarang burung dan terbaru bagi tandas surau dan masjid.

"SIRIM mematuhi garis panduan dengan ketat dan penyelidikan menyeluruh dilakukan sebelum SIRIM membangunkan sesuatu standard industri.

Menurutnya, tahun ini kementerian memperuntukkan RM372,000 kepada SIRIM bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana mewujudkan budaya inovatif bagi menambah baik produk mereka.

--BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NANYANG SIANG PAU : MUKA SURAT A5
TARIKH : 14 MEI 2015 (KHAMIS)

15
nice
NATIONAL INNOVATION
CONFERENCE AND EXHIBITION



mosti
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

超越创新

2015年5月
21 ▶ 23日

吉隆坡会展中心
KUALA LUMPUR
CONVENTION CENTRE (KLCC)

诚邀参加

- ▶ 会议
- ▶ 展览
- ▶ 商业配对
- ▶ 融资工作坊

YB Datuk Dr. Ewon Ebin
科学、工艺及革新部长



Concurrent Events
ITEX '15
MALAYSIA
26th International Invention & Innovation Exhibition

**NATIONAL
INNOVATION
AWARD**

Sains & Inovasi
Pemacu Transformasi
DEKAD INOVASI 2010 - 2020

#NICEMOSTI2015

www.mosti.gov.my/nice2015

agama

Inovasi bantu tunai solat

Tiada lagi alasan tidak tahu solat

KEDENGARAN agak jarang, namun realitinya terdapat segelintir umat Islam yang tidak menunaikan solat walaupun telah mencecah usia pertengahan umur malah berstatus warga emas.

Menjadikan alasan tidak tahu kerana kurang mendapat pendidikan atau tidak dititikberatkan oleh keluarga pada awal usia, kewajipan umat Islam menerusi rukun Islam kedua itu dianggap boleh dilakukan atau ditinggalkan sesuka hati.

Namun kini, tiada lagi alasan untuk mengatakan tidak tahu menunaikan solat atau sebarang dalih untuk meninggalkan solat ketika dalam situasi luar pada kebiasaan dengan wujudnya peralatan teknologi semasa.

Pelbagai inovasi pintar dihasilkan secanggih di hujung jari menggunakan telefon pintar bagi membantu memudahkan pelaksanaan ibadah solat pada waktu, tempat dan arah kiblat yang disediakan.

SEJADAH ELEKTRONIK

La sebagaimana yang dihasilkan oleh bekas pelajar jurusan Diploma Bioteknologi, Technology Park Malaysia College (TPM College), **Nik Noor Syamimi Ismail**, 21, yang berjaya mencipta alat bantu solat menggunakan sejadah yang dikenali **SmartSolat**.

Sejadah interaktif yang menghubungkan dengan peralatan elektronik itu mampu membantu individu yang tidak tahu menunaikan solat atau baru pertama kali melakukan solat untuk membuat pergerakan dan bacaan dalam solat dengan betul.

"Melalui arahan lampu LED yang ada pada sejadah dan animasi pergerakan solat pada skrin tablet atau komputer yang disambung pada sejadah, pengguna dapat meniru gerakan yang ditunjukkan pada paparan skrin tersebut. Ia juga disertakan dengan bacaan tulisan yang perlu disebut oleh pengguna untuk melakukan solat."

"**SmartSolat** merupakan inovasi untuk membantu umat Islam mempelajari serta memperbetulkan solat terutamanya golongan kanak-kanak, saudara baharu (muallaf) dan yang ingin memperbaiki solat dengan lebih baik," katanya.

Ciptaan Noor Syamimi bersama rakannya, Norshakirin Nazarudin, 25, jurusan Diploma Kejuruteraan Mekanikal telah dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama dalam Pameran dan Persidangan Inovasi Nasional (NICE) 2013



NIK NOR SYAMIMI ISMAIL

yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Berkongsi idea rekaannya, Noor Syamimi berkata, terlintas ketika mengikuti Bengkel *MyIdeas* dan diberi peluang untuk berkongsi idea kasar pada hari berlangsungnya bengkel tersebut.

"Selepas solat Isyak, tiba-tiba Allah SWT ingatkan semula idea yang dahulunya pernah saya terfikir dan hanya angan-angan untuk menciptanya. Lantas saya melakarkan idea tersebut di atas kertas."

"Selepas tiga bulan, saya mendapat berita yang idea tersebut telah terpilih untuk dijadikan prototaip berserta dengan bantuan mentor selama tiga bulan dan

alhamdulillah memang tidak disangka idea saya terpilih mendapat tempat pertama," ujarnya.

Bagaimanapun tambahnya, **SmartSolat** masih dalam proses penelitian dan hanya prototaip untuk dipasarkan bagi kegunaan komersial.

APLIKASI PINTAR

Selain itu, turut dihasilkan pelbagai perisian yang boleh dimuat turun menggunakan telefon pintar secara percuma yang menyediakan pelbagai panduan mengenai solat.

Ia termasuk untuk mengetahui waktu solat di seluruh kawasan, menetapkan arah kiblat, mencari surau atau masjid yang



KASOOT Wheelchair merupakan inovasi untuk memudahkan orang kurang upaya menunaikan solat.



INOVASI teknologi membantu umat Islam untuk mengetahui info mengenai solat dengan mudah.

bagi kemudahan golongan kurang upaya (OKU) untuk menunaikan solat sebaris dengan jemaah lain.

Ia sebagaimana hasil rekaan Pertubuhan Prihatin Orang Kurang Upaya 1 Malaysia (Prihatin) yang menghasilkan **Kasoot Wheelchair** bagi membolehkan OKU berkerusi roda memasuki masjid.

Presidennya, **Noorulhuda Mohamed Asli** berkata, **Kasoot Wheelchair** merupakan pelapik kerusi roda yang diperbuat daripada kain untuk dipasang di roda kerusi roda ketika ingin memasuki ke dalam masjid atau tempat yang bersih.

"Direka untuk kerusi roda beroda bersaiz 24 inci, pengguna hanya perlu menyarungkan **Kasoot Wheelchair** ini di roda dengan mudah dan pantas tanpa perlu turun daripada kerusi roda untuk memasuki ke tempat yang bersih terutamanya untuk kegunaan solat di masjid."

"Dengan adanya pelapik roda ini, OKU yang berkerusi roda dapat menunaikan solat secara berjemaah sebaris dengan jemaah normal yang lain tanpa perlu bimbang kebersihan pada roda kerusi roda yang juga digunakan melalui kawasan terbuka di jalan," katanya.

terdekat, malah mengalunkan azan secara automatik apabila tibanya waktu solat.

Sehubungan itu, umat Islam dapat menunaikan solat tanpa sebarang alasan walaupun berada di kawasan yang baharu dikunjungi dengan hanya merujuk kepada telefon pintar yang sentiasa dibawa ke mana-mana.

Syamimi berkata, dengan adanya teknologi umat Islam dapat melakukan kewajipan dengan mudah dan yakin tanpa bergantung kepada orang lain.

"Pelbagai inovasi solat yang dihasilkan adalah sangat berguna dan perlu dikembangkan lagi. Ini kerana selain memudahkan umat Islam melaksanakan solat, pembelajaran solat juga bukan hanya dilakukan ketika menyertai kursus atau bengkel solat yang disertai, malah turut boleh dipraktikkan sendiri di rumah," ujarnya.

KEMUDAHAN SOLAT OKU

Tidak tertumpu kepada golongan berkemampuan, inovasi solat turut dicipta

SMARTSOLAT membantu umat Islam mempelajari dan memperbetulkan pergerakan solat.



Rynz Skincare guna kepakaran SIRIM

Hasilkan produk kosmeseutikal yang selamat, semula jadi dan berkesan

Oleh NURSYAMIMI SAIDI
nursyamimi.saidi@utusan.com.my

LAMBAKAN produk kecantikan dan kosmetik di pasaran tanpa diketahui sama ada selamat digunakan, menjadi kebingungan kepada golongan wanita di negara ini terutama yang obses dengan kecantikan dan kesempurnaan wajah.

Keghairahan pengguna terhadap produk yang memberikan kulit wajah cerah, gebu dan mulus mendorong Rynz Skincare tampil dengan produk kecantikan yang dihasilkan secara saintifik menggunakan kepakaran daripada SIRIM Berhad.

Setiap produk melalui satu siri kajian yang teliti menepati standard piawaian penyelidikan kosmeseutikal antarabangsa.

Pengarah Ryn Millenium Venture Sdn.Bhd., **Azian Yusop** berkata, dengan kemunculan pelbagai jenis produk kosmetik di pasaran terutamanya produk pemutih wajah, ramai yang mengambil sikap tidak endah dengan kandungan produk yang mungkin memudaratkan kesihatan mereka.

Katanya, kebanyakan pengguna hanya terpengaruh dengan iklan-iklan tanpa diketahui sama ada produk tersebut mendapat pengiktirafan dan kelulusan daripada Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan Malaysia (BPFKM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau sebaliknya.

Ini menunjukkan bahawa tiada kesedaran dalam kalangan pengguna untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang kandungan produk yang ingin dibeli.

"Produk yang kerap ditarik balik dari



(DUDUK dari kiri) Sahnon Ahmad dan Azian Yusop menunjukkan rangkaian produk Rynz Skincare yang dihasilkan secara saintifik menggunakan teknologi dan kepakaran daripada SIRIM Berhad.

pasaran oleh BPFKM dan dijual secara haram kebanyakannya terdiri daripada produk pencerahan kulit.

"Melihat kepada pasaran tempatan yang mahukan produk sebegini, kami berusaha untuk menghasilkan produk pencerahan yang terbukti selamat.

"Produk kami bukan berdasarkan agen pengelupasan tetapi bahan aktif daripada sumber tempatan untuk merawat tona wajah bagi menghasilkan warna wajah yang lebih sempurna.

"Dengan bantuan daripada pihak SIRIM, kami mahu mempromosikan produk kosmeseutikal yang bukan sahaja memulihara kulit, bahkan mampu merawat kulit wajah pengguna," katanya ketika ditemui di Makmal SIRIM Berhad, Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Ryn Millenium Venture Sdn. Bhd., **Sahnon Ahmad** berkata, rangkaian produk Rynz Skincare seperti krim siang dan pencuci muka yang dibangunkan SIRIM mengambil khasiat semula jadi mulberi putih.

Tumbuhan tersebut kaya dengan kandungan anti oksida yang mampu mengecuh kedutan, memudarkan garis-garis halus dan menjadikan kulit gebu, putih, serta anjal, selain dapat membantu melambatkan proses penuaan.

Produk Rynz Skincare turut mengandungi kolagen marin yang diambil daripada spesies ikan air tawar, bagi memberi kelembapan terbaik, di samping melicinkan dan menghaluskan lapisan kulit seterusnya menjadikan permukaan kulit kembali segar.

Maklumat lanjut boleh menghubungi Ryn Millenium, 03-91342134 atau melayari laman Facebook, Rynz Skincare atau boleh menghubungi talian stokis di seluruh negara.

Ekstrak temulawak, lempoyang

PRODUK yang dibangunkan untuk Ryn Millenium menepati standard piawaian penyelidikan kosmeseutikal antarabangsa dengan penggunaan teknologi *Supercritical Fluid Extraction*.

Ketua Jabatan Kosmetik dan Produk Semula Jadi, Pusat Kajian Industri Bioteknologi SIRIM, **Sarifah Rejab** berkata, proses tersebut bagi menghasilkan *Nanoparticle Lipid Carrier* atau dikenali sebagai *Rynz Skin Perfect Booster Serum*, yang dihasilkan daripada ekstrak temulawak dan lempoyang.

Dia, yang mengetuai pasukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk produk Rynz Skincare berkata, pihaknya turut mematuhi

garis panduan MS 2200:2008-Barang Gunaan Islam-Part 1: Kosmetik dan Dandanan Diri-Garis Panduan Umum, bagi menghasilkan produk kosmetik yang halal.

"Selain serum, kami juga berjaya menghasilkan pencuci muka *Active Cleansing Foam* dan krim siang *Active Lightening and Hydration Cream* menggunakan bahan mentah dari sumber tempatan. Apa yang paling penting bahan daripada sumber yang halal dan mematuhi notifikasi daripada BPFKM," katanya.

Tidak mengabaikan keperluan keselamatan sesuatu produk, katanya, Rynz Skincare juga telah melalui ujian kestabilan.

Produk tersebut perlu lulus dengan tidak mengalami sebarang perubahan fizikal dan diuji selamat, bebas daripada pencemaran logam berat seperti arsenik, plumbum, serta raksa, bertepatan dengan piawaian Asean Cosmetic Directive.

Dalam pada menurut Sarifah, SIRIM mula melibatkan diri dalam R&D produk kosmetik sejak tahun 90-an lagi memandangkan kebanyakan produk kosmetik yang terdapat di pasaran pada ketika itu diimport.

Ujarnya, keghairahan pengguna terhadap produk kosmetik boleh melalaikan mereka untuk mengenal pasti kandungan bahan yang dibenarkan kerana tiada pendedahan dan tiada

inisiatif untuk ambil tahu tentang bahan kimia berbahaya.

"Bahan-bahan kimia yang berbahaya seperti *hydroquinone* (agen pencerahan), *retinoin* (agen merawat kulit berjerawat), asid *azelaik* (mengurangkan kesan inflamasi dan kemerahan bagi merawat kulit berjerawat) serta beberapa logam berat seperti merkuri dan plumbum juga pernah dikesan digunakan di dalam produk kosmetik," ujarnya.

Justeru katanya, pengguna disarankan memilih produk kosmetik yang mempunyai penjelasan BPFKM, memberikan perhatian kepada tarikh luput atau tarikh pembuatan yang terdapat di luar kotak produk.

TPMB mahu bangun 80 usahawan bio

Kuala Lumpur: TPM Biotech Sdn Bhd (TPMB) menyasarkan pertumbuhan sebanyak 15 peratus bagi mencatat perolehan jualan tahunan sebanyak RM6.9 juta pada tahun ini berbanding RM5.5 juta pada tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Ahmad Husni Johari berkata, TPMB menyasarkan untuk membangunkan 80 usahawan bio dan 70 produk baru tahun ini seiring usaha merangsang pertumbuhan sektor bioteknologi di peringkat akar umbi.

"Sejak penubuhannya pada tahun 2007, kami sudah membantu membangunkan 1,629 usahawan biokolektif yang menjana jumlah pendapatan bernilai

hampir RM100 juta pada akhir tahun 2014," katanya pada majlis pelancaran Seminar Pematuhan Kualiti Produk, di sini, semalam.

Objektif majlis itu adalah untuk memberi maklumat terbaru serta menekankan kepentingan pematuhan kualiti produk untuk dipadankan dengan standard antarabangsa dan memberi gambaran tentang pelbagai keperluan dan peluang menembusi pasaran global.

"Kami juga ingin memastikan usahawan mengemas kini pelbagai isu terkini mengenai keperluan undang-undang bagi memenuhi analisis pihak berkuasa tempatan agar ia tidak bercanggah seterusnya menim-

bulkan permasalahan lain.

"Seminar itu juga akan memberikan usahawan bio potensi sedia ada dan kefahaman tentang kepakaran, perkhidmatan bersepadu dan keupayaan pengilangan kontrak TPMB dalam membantu meningkatkan keupayaan perniagaan mereka untuk menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Menurutnya, TPMB sedang berunding dengan Australia, Brunei, China, Perancis, Korea Selatan dan Singapura bagi menjadi pengeluar produk bioteknologi yang terlibat dalam kontrak pembuatan dan perkhidmatan selain mahu meneroka dan menembusi pasaran luar negara.

Beliau berkata, TPMB me-

nawarkan kontrak pembuatan produk herba dan perkhidmatan makmal, sekaligus menjadikan ia sebagai satu pusat sehati bagi usahawan.

"Salah satu kelebihan nilai ditambah kepada pelanggan adalah kami mempunyai Makmal Sains Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk melakukan ujian halal, analisis dan pengesahan produk.

"Kami menerima banyak pertanyaan dan maklum balas positif dari negara pengeluar dan peruncit, menyatakan minat mereka untuk kerjasama bagi menggunakan kepakaran perkhidmatan serta makmal tersebut," katanya.

HELP partners IT industry leaders



Pay Fong students from Malacca viewing the final year projects displayed at HELP Tech Day Exhibition.

In an increasingly competitive job market, it has become even more vital for information technology (IT) graduates to have the practical skills and resources necessary to rise above the competition and thrive in the workforce.

Over the last few years, the Department of IT at HELP University has been working with its Industry Advisory Board (exhibition) members and industry partners to prepare graduates for the challenges of IT employment.

IAB members represent leaders in the IT industry - HT Consulting, TMS, Money On Line (MOL), SAS, IBM, Microsoft and Gamonster - all of whom have assisted the HELP IT Department in their experience and knowledge.

This valuable feedback was used to create and enhance IT courses with emphasis on practical career skills, besides solid theoretical knowledge.

Head of HELP's Department of IT, Dr Sien Ven Yu, said, "The close collaboration with our IAB members and industry partners has ensured that our IT graduates are industry-ready, with skills, knowledge and experience that match industry expectations.

"Our graduates are in demand and have been offered jobs in leading organisations, such as Accenture, IBM, MIMOS, Maxis, Shell, Citibank and KPMG," said Dr Sien.

To underline the importance of IT and the role of IAB members, co-chair of the IAB, Ghanesh Kumar Bangah, said, "IT is the industry of the future, and some of the biggest companies worldwide are IT companies.

"The Advisory Board's role is to encourage students of HELP to look at the opportunities and inspire them to build Apple, Google and Facebook of the future in Malaysia."

This collaboration was put to practice recently with the latest batch of final year

students, who were tasked to work on real-world projects with IAB members and industry partners.

They were mentored, taught and supervised by experts to develop hands-on skills that will put them ahead in the workforce.

Dr Sien highlighted the importance of significant project experience as that enables students to apply the concepts that they have learnt while compelling them to learn new technologies and gain new skills.

The final year projects were showcased this year at HELP Techday 2015, under the mentorship of IT organisations. The focus was on mobile apps, educational games and development software.

Event highlights saw projects developed by the information technology students - educational games for learning English and History.

Among the guests were students from Pay Fong High School in Malacca and Batu Pahat Chinese High School as well as IT industry partners.

IT students presented a prototype of a mobile classroom response app, enabling lecturers to engage and assess students' understanding of concepts using activities on mobile devices.

Harres Tan, group CEO of Rototype International and co-chair of HELP University IT IAB, said: "With good guidance from experienced industry experts, this training method is vital in preparing students to enter the workforce."

The Department of IT offers five programmes: Diploma in IT, Bachelor of IT (Hons), Bachelor of IT (Hons) Mobile Computing, Bachelor of IT (Hons) Business Information Management and Bachelor of Computer Science (Games and Interactive Media).

■ For more information, call 03-2716 2000, e-mail marketing@help.edu.my or visit www.help.edu.my